Lim Long Yew dan lain-lain lwn Pendakwa Raya (Md Shukri bin Shahudin dan lain-lain, pihak ketiga)

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42(ORS)-30–04 TAHUN 2016
MOHD SHARIFF PK
16 NOVEMBER 2016

Undang-Undang Jenayah — Pengubahan wang haram — Pelucuthakan — Harta tertuduh-tertuduh disita oleh Bank Negara Malaysia — Perayu-perayu membuat permohonan untuk menuntut kepentingan mengenai harta yang disita menurut s 61 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 — Sama ada perayu-perayu terlibat dengan kesalahan yang dilakukan — Sama ada perayu-perayu melakukan usaha munasabah sebelum melabur dalam perniagaan tertuduh-tertuduh — Sama ada wang boleh dikeluarkan bagi tujuan pembayaran kos peguam — Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 s 25(1) — Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ss 4(1), 44(3)(b) & 61(4)

Tertuduh pertama, kedua dan ketiga telah disabitkan bersalah oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS') di atas tuduhan-tuduhan menurut s 25(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 ('BAFIA') dan s 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLATFA'). Di peringkat mahkamah sesyen, pihak-pihak ketiga yang menuntut ('perayu-perayu') telah membuat permohonan untuk menuntut kepentingan mengenai harta yang disita oleh Bank Negara Malaysia ('BNM') menurut s 61 AMLATFA dengan menunjuk sebab kepada mahkamah bahawa harta-harta yang dinyatakan di dalam *Warta* Kerajaan PU(B) 404 bertarikh 4 September 2014 ('harta-harta tersebut') tidak boleh dilucuthakkan. Namun, HMS memutuskan di atas imbangan kebarangkalian untuk menolak kesemua tuntutan oleh perayu-perayu dan semua harta-harta tersebut dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia. Perayu-perayu berhujah bahawa wang yang dimasukkan oleh perayu kedua hingga kesembilan adalah merupakan wang yang dimasukkan ke dalam akaun persendirian tertuduh pertama dan bertujuan peribadi dan bukannya bagi tujuan perlaburan. Perayu juga berhujah bahawa HMS langsung tidak mengambil kira bahawa terdapatnya keterangan-keterangan bagi menunjukkan bahawa dua saksi perayu telah membuat semakan dengan BNM. Perayu seterusnya berhujah bahawa keputusan HMS adalah berat sebelah apabila tidak membenarkan tuntutan Kelvin Hoo Moon Yee, perayu kelapan dan merumuskan bahawa perayu kelapan bukanlah seorang penuntut yang suci hati. Perayu menyatakan bahawa perayu kelapan hanyalah

merupakan seorang pembekal *t-shirt* kepada tertuduh ketiga dan menuntut bayaran pembekal *t-shirt*. Perayu menghujahkan seterusnya bahawa tindakan timbalan pendakwa raya menolak pembayaran yuran kepeguaman melalui surat ('P14') adalah jelas bercanggah dengan s 44(3)(b) AMLATFA kerana tiada apa-apa larangan untuk yuran dibayar yang wujud di dalam Akta tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan perayu-perayu dan mengekalkan perintah pelucuthakan harta oleh HMS:

(1) Berdasarkan s 61(4) AMLATFA, tiada wujud apa-apa perkataan 'atau' diantara perenggan (a), (b), (c), (d) dan (e) tetapi hanya wujud perkataan 'dan' diakhir ayat dalam perenggan (d) dan diikuti dengan perenggan (e) peruntukan tersebut. Oleh itu, kesemua elemen-elemen (a)–(e) perlu dibuktikan oleh perayu-perayu secara serentak dan bersama-sama. Tindakan HMS dalam mendengar segala keterangan saksi-saksi perayu sebelum membuat apa-apa keputusan adalah menuruti prosedur undang-undang (lihat perenggan 14).

(2) Berdasarkan keterangan-keterangan perayu kedua, ketiga, keempat, keenam, ketujuh dan kelapan, dengan membeli dan bersetuju untuk menjual semula set seramik kepada syarikat tersebut (tertuduh ketiga) dengan pulangan keuntungan jelas menunjukkan bahawa mereka turut terlibat untuk mengambil bahagian dalam perniagaan tersebut. Selain itu, perayu-perayu turut menjadi 'dealer' dan mempunyai 'downline' di bawah mereka. Oleh itu, hujahan bahawa perayu pertama hingga kelapan tidak terlibat dalam mengambil bahagian atau mempunyai penglibatan dalam satu kesalahan di bawah BAFIA dan AMLATFA tidak mempunyai justifikasi dan merit (lihat perenggan 16).

(3) Perayu ketujuh dan kesembilan hanya menyemak melalui 'website' dan Akta sahaja dan tiada keterangan yang menunjukkan perayu-perayu tersebut membuat semakan secara teratur iaitu dengan berjumpa sendiri dengan pegawai-pegawai BNM. Selain itu, perayu-perayu selain perayu ketujuh dan kesembilan telah gagal untuk membuat semakan dengan BNM berkenaan status perniagaan syarikat tersebut. Oleh itu, mahkamah bersetuju dengan HMS bahawa perayu-perayu tidak melakukan usaha yang semunasabahnya dan patut sebelum memasukkan wang ataupun melabur dalam perniagaan yang meragukan tersebut (lihat perenggan 17).

(4) Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa perayu kelapan telah mengambil apa-apa langkah yang sewajarnya untuk menyemak sama ada syarikat tersebut adalah sah disisi undang-undang ataupun sebaliknya. Wang haram yang semestinya tertakluk kepada pelucuthakan tidak mungkin diserahkan kepada perayu kelapan bagi maksud pembekalan *t-shirt* tersebut. Berdasarkan alasan-alasan tersebut, perayu kelapan telah

tidak memenuhi kehendak s 61(4)(e) AMLATFA dengan tidak mengambil segala yang semunasabahnya dapat dijangkakan untuk menghalang penggunaan menyalahi undang-undang harta tersebut (lihat perenggan 18).

(5) Sekiranya wang tersebut telahpun diklasifikasikan sebagai wang haram hasil daripada aktiviti haram, maka wang tersebut tidak boleh dikeluarkan bagi apa-apa maksud sekalipun melainkan ianya dilucuthakan oleh pihak kerajaan. Tindakan untuk mengeluarkan wang tersebut bagi membuat pembayaran kos guaman peguam seolah-olah melepaskan tindakan terhadap orang yang mana tindakan pelucuthakan harta telahpun dibuat terhadapnya dan jelas bertentangan dengan peruntukan s 61(4)(d) AMLATFA (lihat perenggan 19).

[English summary

The first, second and third accused persons were convicted by the sessions court judge ('SCJ') for the offence under s 25(1) of the Banking and Financial Institution Act 1989 ('the BAFIA') and s 4(1) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('the AMLATFA'). At the sessions court, the third parties/the claimants ('the appellants') applied to claim for interest in the property seized by Bank Negara Malaysia ('BNM') pursuant to s 61 of the AMLATFA by showing cause to the court that the properties stated in the Government *Gazette* PU(B) 404 dated 4 September 2014 ('the properties') could not be forfeited. However, the SCJ dismissed, on the balance of probabilities, all the claims by the appellants and the properties were forfeited by the Government of Malaysia. The appellants submitted that the monies deposited by the second to ninth appellants were monies deposited into the first accused's private account and was for investment purposed. The appellant further argued that the SCJ did not take into consideration that there were evidence that two of the appellants' witnesses conducted a search with the BNM. The appellant further argued that the SCJ's decision was one-sided when he did not allow the claim by Kelvin Hoo Moon Yee, the eighth appellant and in concluding that the eighth appellant was not a bona fide claimant. The appellants further argued that the eight defendant was just the supplier of t-shirts to the third accused claiming for the payment of the supply of t-shirts. The appellant argued next that the decision of the deputy public prosecutor in rejecting the payment of his legal fees vide a letter ('P14') was a clear contravention of s 44(3)(b) of the AMLATFA as there were no prohibition for the payment of fees in the said Act.

Held, dismissing the appellants' appeal and maintaining order for forfeiture of properties of the SCJ:

(1) Based on s 61 (4) of the AMLATFA, there is no 'or' between paras (a), (b), (c), (d) and (e). Instead, there is only 'and' at the end of para (d) and followed by para (e) of the said provision. Therefore, the elements in

(a)–(e) must be simultaneously and collectively proven by the appellants. The SCJ's act of hearing all the evidence of the appellant's witnesses before making any decision was in compliance with the legal procedure (see para 14).

(2) Based on the evidence of the second, third, fourth, sixth, seventh and eighth appellants, by purchasing and agreeing to resell the ceramic set to the company (the third accused) with profit gains clearly showed that they were also involved in the participation of the business. In addition to that, the appellants were also 'dealers' and had 'downline' under them. Hence, the argument that the first to eighth appellants were not involved or having an involvement in an offence under the BAFIA and the AMLATFA was not justified and bore no merit (see para 16).

(3) The seventh and ninth appellants conducted their search on the website and the Act only and there was no evidence that the appellants made regular searches by meeting with the BNM officials. In addition to that, the appellants, aside from the seventh and ninth appellants, failed to conduct a search with BNM regarding the status of the company's business. Therefore, the court agreed with the SCJ that the appellants did not make a proper and reasonable effort before depositing money or investing in the suspicious business (see para 17).

(4) There was no evidence that showed that the eighth appellant had taken any reasonable steps to check whether the company was valid under the law or otherwise. Illegal monies which were necessarily subjected to the forfeiture was unlikely to be submitted to the eighth appellant for the purpose of supplying the t-shirt. On these grounds, the eighth appellant had not complied with the requirement of s 61(4)(e) of the AMLATFA by not taking all reasonably-expected steps to prevent the illegal use of the property (see para 18).

(5) If the money had been classified as illegal money as a result of illegal activity, the money shall not be issued for any purpose other than if it was forfeited by the government. The act of withdrawing the money to make payment of the attorney's fees seemed to inflict the action against the person whose act of forfeiture had been committed against and was clearly against the provision of s 61(4)(d) of the AMLATFA (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pelucuthakan, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1707–1709.

Kes-kes yang dirujuk

Alandu a/l Santhanasamy v PP [2014] 2 MLJ 508; (2013) MLRAU 371, MR (dirujuk)

A *Herchun Singh & Ors v PP* [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 MLRA 382, MP (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Raja Noor Asma bt Raja Harun [2013] 9 MLJ 181; [2013] 5 CLJ 656, MT (diikut)
B *Pendakwa Raya v Law Kai Thong Kes No 44–20 Tahun 2008 (tidak dilaporkan), MT* (diikut)
PP v Muhammad Nasriq Abdullah (2015) MLRHU 322 (dirujuk)
PP v Song Siew Weng & Ors (2015) MLRHU 1244 (dirujuk)
Teh Tek Soon v Pendakwa Raya (2015) MLRA 433 (dirujuk)

C **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013) s 25(1)
Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan
D Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 s 4(1), 44(3)(b), (3)(c), 55, 55(1), 61, 61(2), (4), (4)(a), (4)(b), (4)(c), (4)(d), (4)(e), Jadual Kedua

Haresh Mahadevan (Haresh Mahadevan & Co); Stanley Augustin (Stanley Augustin & Co) bagi pihak ketiga/perayu-perayu.
E *Atiqah Liyana bt Shahrir (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

Mohd Shariff PK:

F LATAR BELAKANG

[1] Ini merupakan satu rayuan yang difailkan oleh pihak perayu-perayu (En Sukri bin Shahudin dan sepuluh yang lain) terhadap keseluruhan
G keputusan yang telah dibuat oleh hakim mahkamah sesyen pada 12 April 2016 yang memutuskan diatas imbangan kebarangkalian menolak kesemua tuntutan pihak perayu-perayu dan semua harta yang terdiri dari wang tunai sebagaimana dalam Jadual, Item 1–18 *Warta* Kerajaan PU(B) 404 bertarikh 4 September 2014 dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia. Harta-harta
H tersebut adalah seperti berikut:

(a) wang tunai berjumlah RM3,571,834.57 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun simpanan Lim Long Yew di CIMB Bank Bhd, Cawangan Jalan Sarjana, Taman Connaught, Selangor, nombor akaun
I 14580005392527;

(b) wang tunai berjumlah RM1,113,318.51 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa Lim Long Yew di Maybank Bhd, Cawangan Kuala Lumpur Selangor, Selangor, nombor akaun 112139003462;

(c) wang tunai berjumlah RM1,579,532.35 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun simpanan Lim Long Yew di Public Bank Bhd, Cawangan Batang Kali, Selangor, nombor akaun 4304108201;

(d) wang tunai berjumlah RM349,852.68 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa Lim Long Yew di Public Bank Bhd, Cawangan Batang Kali, Selangor, nombor akaun 3148576923;

(e) wang tunai berjumlah RM2,673,781.10 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa Lim Long Yew di CIMB Bhd, Cawangan Jalan Sarjana, Taman Connaught, Selangor, nombor akaun 14580001720052;

(f) wang tunai berjumlah RM500,000 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun simpanan tetap Lim Long Yew di CIMB Bank Bhd, Cawangan Jalan Sarjana, Taman Connaught Selangor, nombor akaun 14580005713685;

(g) wang tunai berjumlah RM251,283.70 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun simpanan tetap Lim Long Yew di CIMB Bank Bhd, Cawangan Jalan Sarjana, Taman Connaught Seelangor, nombor akaun 14580005937689;

(h) wang tunai berjumlah RM336,407.88 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun unit amanah Lim Yong Yew di CIMB Bank Bhd, Menara Bumiputra Commerce, Cawangan Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, nombor akaun 4800463447;

(i) wang tunai berjumlah RM203,804.48 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun unit amanah Lim Yong Yew di CIMB Principal Asset Management S/B Bank Bhd, Menara Bumiputra Commerce, Cawangan Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, nombor akaun A80053485;

(j) wang tunai berjumlah RM1,292,785.27 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa Asia Ceramic Marketing Sdn Bhd di CIMB Bank Bhd, Cawangan Jalan Sarjana, Taman Connaught, Kuala Lumpur, nombor akaun 14580001466058;

(k) wang tunai berjumlah RM3,078,113.81 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa Asia Ceramic Marketing Sdn Bhd di OCBC Al Amin, Cawangan Ampang, Kuala Lumpur, nombor akaun 104–101730–5;

(l) wang tunai berjumlah RM3,041,927.23 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa Asia Ceramic Marketing Sdn Bhd di Maybank Bhd, Cawangan Setapak, Selangor, nombor akaun 514066133487;

(m) wang tunai berjumlah RM3,772,049.08 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa Asia Ceramic Marketing Sdn Bhd di Public Bank Bhd, Cawangan Taman Cheras, Selangor, nombor akaun 3–1483132–12;

(n) wang tunai berjumlah RM3,238,463.41 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa Asia Ceramic Marketing Sdn Bhd di AmBank Bhd, Cawangan Taman Connaught Cheras, Kuala Lumpur, nombor akaun 0922012004519;

(o) wang tunai berjumlah RM30,404.47 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa Asia Ceramic Trading Sdn Bhd di CIMB Islamic Bank Bhd, Cawangan Jalan Sarjana, Taman Connaught, Kuala Lumpur, nombor akaun 14470000079104;

(p) wang tunai berjumlah RM192,227.85 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa Asia Ceramic Trading Sdn Bhd di AmBank Bhd, Cawangan Taman Connaught, Cheras, Kuala Lumpur, nombor akaun 0922012005656;

(q) wang tunai berjumlah RM23,267.43 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun simpanan Mohamad Azizi bin Parjo di CIMB Bank Bhd, Cawangan Jalan Sarjana, Taman Connaught, Kuala Lumpur, nombor akaun 14580005383524; dan

(r) wang tunai berjumlah RM46,682.50 dan apa-apa pertambahan kepadanya dalam akaun semasa OD Facility Mohamad Azizi bin Parjo di CIMB Bank Bhd, Cawangan Jalan Sarjana, Taman Connaught, Kuala Lumpur, nombor akaun 14580001687053.

[2] Pada peringkat permulaannya, di dalam perbicaraan kes di mahkamah sesyen, kesemua penama-penama, Lim Long Yew ('tertuduh pertama'), Leong Guan Yeu ('tertuduh kedua') dan Asia Ceramic Marketing Sdn Bhd ('tertuduh ketiga'), masing-masing menghadapi sembilan pertuduhan menurut s 25(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 ('BAFIA'). Disamping itu juga tertuduh pertama menghadapi 130 pertuduhan dan tertuduh kedua yang juga mewakili tertuduh ketiga menghadapi 472 pertuduhan menurut s 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLATFA 2001');

[3] Pada 11 Jun 2014, hakim mahkamah sesyen telah mendapati tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga bersalah dan disabitkan terhadap kesemua pertuduhan-pertuduhan tersebut.

[4] Selanjutnya, apabila terdapat pendakwaan dan sabitan bagi sesuatu kesalahan seperti yang tertakluk menurut s 55 AMLATFA 2001 yang dibaca bersama dengan s 61(2) AMLATFA 2001 yang mana mahkamah yang

membuat perintah perlucuthakan hendaklah menyebabkan supaya disiarkan suatu notis dalam *warta* untuk memanggil mana-mana pihak ketiga (perayu-perayu) yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta tersebut untuk hadir ke mahkamah.

[5] Justeru itu suatu notis menurut s 61(4) AMLATFA 2001 kepada pihak ketiga telah dikeluarkan melalui *Warta* Kerajaan PU(B) 404 bertarikh 27 Ogos 2014. Notis ini diberikan kepada mana-mana pihak ketiga (perayu-perayu) yang menuntut apa-apa jua kepentingan mengenai harta-harta yang dinyatakan dalam jadual yang menjadi hal perkara bagi pertuduhan-pertuduhan tersebut untuk hadir ke mahkamah sesyen bagi menunjukkan sebab bahawa harta-harta tersebut tidak boleh dilucuthakkan.

[6] Semasa di mahkamah sesyen, perayu-perayu telah membuat permohonan menuntut kepentingan mengenai harta yang disita oleh pihak Bank Negara menurut s 61 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta 613') dengan menunjuk sebab kepada mahkamah bahawa harta-harta yang dinyatakan diatas tidak boleh dilucuthakkan.

[7] Semasa prosiding di mahkamah sesyen, seramai 12 pihak menuntut telah hadir dengan memberikan keterangan-keterangan termasuk tiga orang peguam yang menuntut yuran guaman mereka.

PENGHUJAHAN PIHAK PEGUAM-PEGUAM PERAYU

[8] Pihak peguam-peguam perayu telah tidak berpuas hati dengan perintah dan keputusan hakim mahkamah sesyen berdasarkan kepada fakta-fakta berikut:

(a) wang-wang yang dimasukkan oleh perayu-perayu kedua hingga kesembilan ke dalam akaun persendirian tertuduh pertama adalah untuk tujuan peribadi dan bukannya untuk tujuan pelaburan ataupun pembelian EV;

(b) tiada wujud keterangan-keterangan bahawa perayu-perayu pertama sehingga perayu kelapan mengambil bahagian ataupun mempunyai penglibatan dalam kesalahan dibawah BAFIA ataupun AMLATFA;

(c) perayu-perayu telah mematuhi kehendak-kehendak peruntukan s 61(4) AMLATFA 2001 dengan menyemak dengan pihak Bank Negara Malaysia sama ada syarikat menjalankan perniagaan yang sah ataupun sebaliknya; dan

(d) hakim bicara telah tersilap arah apabila memutuskan bahawa memandangkan terdapat pengambilan deposit oleh tertuduh-tertuduh

secara salah, maka wang yang tersebut termasuk dalam kategori wang yang diterima, dijualkan atau dimiliki hasil aktiviti haram. Hakim sesyen juga tersilap apabila menyatakan bahawa perayu-perayu terlibat bersama-sama dengan tertuduh-tertuduh yang lain, walhal mereka ini tidak dituduh secara bersama-sama.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN ISU BERBANGKIT

[9] Seksyen 55(1) AMLATFA 2001

55 Pelucuthakan harta apabila ada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan

(1) Tertakluk kepada Seksyen 61, dalam apa-apa pendakwaan bagi sesuatu kesalahan dibawah Subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan, mahkamah hendaklah membuat perintah bagi perlucuthakan apa-apa harta yang dibuktikan menjadi hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu atau yang dibuktikan merupakan harta pengganas jika —

(a) Kesalahan itu telah dibuktikan terhadap tertuduh; atau

(b) Kesalahan itu tidak dibuktikan terhadap tertuduh tetapi mahkamah berpuas hati —

(i) Bahawa tertuduh bukan pemunya harta itu yang sebenar dan sah; dan

(ii) Bahawa tiada orang lain berhak kepada harta itu sebagai pembeli dengan suci hati dengan balasan berharga

(2) Jika kesalahan itu dibuktikan terhadap tertuduh tetapi harta yang disebut dalam Subseksyen (1) telah dilupuskan atau tidak dapat dikesan, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya tertuduh membayar sebagai penalty suatu jumlah wang yang bersamaan dengan, pada pendapat mahkamah, nilai harta itu, dan apa-apa penalty sedemikian hendaklah boleh didapatkan sebagai suatu denda;

(3) Dalam menentukan sama ada harta itu ialah hal perkara suatu kesalahan atau telah digunakan dalam perlakuan suatu kesalahan dibawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan atau merupakan harta pengganas mahkamah hendaklah menggunakan standard pembuktian yang dikehendaki dalam prosiding sivil.

4 Offence of Money Laundering

(1) any person who —

(a) Engages in, or attempts to engage in, or

(b) Abets the commission of, money laundering, commits an offffence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both;

(2) A person may be convicted of an offence under subsection (1) *irrespective of whether there is a conviction in respect of a serious offence* or foreign serious offence or that a prosecution has been initiated for the commission of a serious offence or foreign serious offence.

[10] Justeru itu dalam prosiding di mahkamah sesyen, hakim sesyen setelah mendapati bahawa kesalahan menerima deposit tanpa lesen yang sah menurut s 25(1) BAFIA merupakan kesalahan yang disenaraikan dibawah Jadual Kedua AMLATFA 2001. Di ms 14 rekod rayuan, hakim sesyen telah mendapati bahawa pendakwaan dibawah s 25(1) BAFIA dan s 4(1) Akta 613 telah terbukti terhadap tertuduh-tertuduh di atas. Di ms 15 penghakiman hakim sesyen mendapati:

... (14) Dapatan telah dibuat dalam kes ini bahawa pendakwaan telah membuktikan kesemua wang-wang yang telah dipindahkan, diterima, digunakan dan dimiliki oleh OKT-OKT merupakan suatu 'hasil daripada aktiviti haram' iaitu daripada kesalahan s 25(1) BAFIA. Maka harta tersebut tidak diragukan lagi adalah merupakan harta yang menjadi hal perkara kesalahan dan telah digunakan dalam kesalahan di bawah s 4(1) AMLATFA. ...

Oleh yang demikian, adalah menjadi tugas mahkamah ini untuk meneliti sama ada untuk membenarkan rayuan tuntutan tersebut ataupun sebaliknya. Mahkamah ini berpandangan bahawa harta-harta yang disenaraikan di atas hanya boleh dipulangkan ataupun dikembalikan kepada pihak perayu-perayu apabila mahkamah ini berpuas hati bahawa perayu-perayu telah berjaya memenuhi kesemua elemen-elemen menurut s 61(4)(a), (b), (c), (d) dan (e) AMLATFA 2001. Adalah menjadi tugas mahkamah ini untuk menentukan sama ada perayu-perayu diatas telah berjaya membuktikan diatas imbangan kebarangkalian bahawa mereka mempunyai kelayakan sebagai orang yang suci hati menuntut harta-harta diatas menurut s 61(4) AMLATFA.

PENDAPAT MAHKAMAH

[11] Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini adalah sama ada mahkamah ini boleh dan perlu mencampuri urusan keputusan kehakiman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen. Mahkamah ini merujuk kepada penghakiman kes: *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 MLRA 382 (MP) seperti berikut:

... An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding: see *Sheo Swarup v King-Emperor* AIR 1934 PC 227 ...;

Peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam kes diatas telah berulangkali diikuti oleh beberapa kes-kes yang lain seperti kes: *Public*

Prosecutor v Muhammad Nasriq Abdullah (2015) MLRHU 322 di mana mahkamah memutuskan bahawa:

> ... Ianya juga adalah undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mencampuri keputusan mahkamah rendah terhadap penemuan sebarang fakta kecuali penemuan fakta tersebut adalah salah (sila rujuk kepada kes: *Gobinath Reddy a/l Gopal lwn Pendakwa Raya* [2014] 1 MLJ 446 di mana kemudiannya diikuti dalam kes: *Reza Malek Zadeh Sahabali v Public Prosecutor* [2014] 3 MLJ 380; (2012) MLRHU 1815 yang memutuskan sebagaimana berikut:
>
> > The present appeal is substantially factual. The learned judge has considered and evaluated the evidence before him and found hat the defence has failed to raise a reasonable doubt in the prosecution case. We find no errror that warrants appellate intervention. *In any case, an appellate court should be slow in interfering with the trial judge's findings of fact.* On the totality of the evidence we are of the view that there is sufficient evidence to support the findings of the learned judge that the appellant is guilty as charged.

[12] Sebelum mahkamah ini menilai isu-isu yang berbangkit, adalah perlu untuk melihat kembali peruntukan s 61(4) AMLATFA 2001:

> Seksyen 61(4) AMLATFA 2001
>
> (4) Mahkamah atau agensi penguatkuasa hendaklah memulangkan harta itu kepada pihak yang menuntut apabila ia berpuas hati bahawa —
>
> (a) pihak yang menuntut itu mempunyai suatu kepentingan yang sah disisi undang-undang mengenai harta itu;
>
> (b) tiada pengambilan bahagian, pakatan sulit, atau penglibatan berkenaan dengan kesalahan dibawah subseksyen 4(1) atau bahagian 1VA atau kesalahan membiayai keganasan yang menjadi tujuan prosiding itu boleh dikaitkan dengan pihak yang menuntut itu;
>
> (c) pihak yang menuntut itu tidak tahu dan jahil tanpa niat tentang penggunaan menyalahi undang-undang harta itu, atau jika dia tahu, tidak dengan sukarela mengizinkan penggunaan menyalahi undang-undang itu;
>
> (d) pihak yang menuntut itu tidak memperolehi apa-apa hak mengenai harta itu daripada seorang yang tindakan diambil terhadapnya dibawah keadaan yang menimbulkan kesimpulan yang munasabah bahawa apa-apa hak telah dipindahmilek bagi maksud mengelakkan pelucuthakan harta itu pada akhirnya kemudiannya; dan
>
> (e) pihak yang menuntut itu telah melakukan segala yang semunasabahnya dapat dijangkakan untuk menghalang penggunaan menyalahi undang-undang harta itu.

[13] Dalam menentukan tahap pembuktian pihak-pihak perayu,

mahkamah ini ingin merujuk kepada kes *Pendakwa Raya v Law Kai Thong (MTSA Kes No 44–20 Tahun 2008),* Abang Iskandar Abang Hashim PK (pada ketika itu) menyatakan:

> ... I had considered the submissions on the true interpretation to be given to the manner *as to how the five paragraphs in s 61(4)(a)–(e) of the said Act ought to be implemented. It is my considered view that the said 5 paragraphs as to be enumerated, have to read conjuctively.* It is my view that this third party claimant's evidence did noting any way address to the specific circumstances that have been outlined under the said paragraphs under section 61(4)(a)–(e) of the said Act, which a claimant staking a claim on the alleged illegal property must successfully satisfy on the balance of probabilities before the court can properly release the claimed property to a bona fide third party ...

Begitu juga dalam kes: *Pendakwa Raya lwn Raja Noor Asma bt Raja Harun* [2013] 9 MLJ 181; [2013] 5 CLJ 656, Kamardin Hashim H menyatakan;

> ... mahkamah ini bersetuju dengan pandangan tersebut dan ingin menambah bahawa beban pembuktian adalah diatas bahu pihak ketiga yang membuat tuntutan untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa mereka adalah penuntut pihak ketiga yang suci hati. *Untuk membuktikan bahawa mereka adalah penuntut yang suci hati maka mereka hendaklah mengemukakan keterangan bagi memenuhi kehendak-kehendak seperti di peruntukkan dibawah perenggan (a) hingga (e) tersebut.* Sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa perkara-perkara tersebut terbukti dan telah dipenuhi, harta yang dituntut bolehlah dikembalikan kepada penuntut pihak ketiga yang suci hati tersebut ...

[14] Berdasarkan kepada kedua-dua kes diatas dan setelah meneliti kepada peruntukan s 61(4), mahkamah ini mendapati tiada wujud apa-apa perkataan 'atau' diantara para (a), (b), (c), (d) dan (e) tetapi hanya wujud perkataan 'dan' diakhir ayat dalam para (d) dan dikuti dengan para (e) peruntukan tersebut. Pada hemat mahkamah ini, ianya memberikan suatu indikasi bahawa kesemua elemen-elemen para (a)–(e) dalam s 61(4) perlulah dibuktikan secara bersama-sama. Mahkamah ini berpendapat bahawa adalah menjadi hasrat Parlimen agar kesemua intipati-intipati tersebut perlulah dibuktikan secara keseluruhannya oleh pihak penuntut dalam membuktikan sebarang tuntutan yang dibuat. Adalah menjadi pandangan mahkamah ini juga bahawa sekiranya pihak Parlimen berkehendakkkan hanya salah satu intipati tersebut perlu dibuktikan oleh pihak penuntut, maka perkataan 'atau' perlulah wujud disetiap akhir perkataan bagi setiap para (a), (b), (c), (d) dan (e). Justeru itu, *mahkamah ini bersetuju dan sependapat dengan kedua-dua kes diatas bahawa kesemua elemen-elemen (a) hingga (e) diatas perlulah dibuktikan oleh pihak perayu (pihak ketiga) secara serentak dan bersama-sama.* Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati bahawa tindakan hakim sesyen dalam mendengar segala keterangan saksi-saksi penuntut sebelum membuat sebarang keputusan adalah menuruti prosedur undang-undang. Ini adalah selaras dengan

penghakiman kes: *Public Prosecutor v Song Siew Weng & Ors* (2015) MLRHU 1244, (merujuk kepada kes: *Teh Tek Soon v Pendakwa Raya* (2015) MLRA 433), Noorin Badarudin PK menyatakan:

> ... sebelum sesuatu harta boleh dilucuthakan, adalah menjadi keperluan undang-undang bahawa harta yang terlibat dibuktikan diatas imbangan kebarangkalian sebagai harta hail dari sesuatu kesalahan dibawah subseksyen 4(1)(a) Akta 613. Seksyen 56(4) Akta 613 memperuntukkan sedemikian. Setelah Mahkamah berpuas hati bahawa harta tersebut adalah hasil daripada suatu kesalahan dibawah subseksyen 4(1) Akta 613 tersebut, *Mahkamah selanjutnya akan mendengar tuntutan pihak ketiga mengenai kepentingannya keatas harta tersebut sebelum membuat keputusan mengenai pelupusan harta tersebut* ...

[15] Dalam penghujahan utama pihak peguam perayu-perayu telah menegaskan bahawa wang yang dimasukkan oleh perayu-perayu kedua hingga kesembilan adalah merupakan wang yang dimasukkan kedalam akaun persendirian tertuduh pertama (Lim Leong Yew) adalah untuk tujuan peribadi dan bukannya untuk tujuan pelaburan ataupun pembelian EV. Pihak peguam ingin menunjukkan kepada mahkamah ini bahawa wang tersebut adalah dari sumber yang sah disisi undang-undang. Ianya bukanlah suatu harta yang menyalahi undang-undang. Dalam isu ini, mahkamah ini mendapati bahawa hakim sesyen telahpun mengambil kira dan memutuskan seperti berikut (ms 15–16 rekod rayuan):

> ... (16) *Bagi pemohon pertama hingga lapan terdapat aliran kemasukan wang daripada akaun bank masing-masing kedalam akaun bank Lim Long Yew dan akaun syarikat ACM untuk tujuan pembelian electronic value point (EV)* ...
>
> (17) Berdasarkan kepada keterangan yang ada, kesemua lapan (8) pemohon yang terlibat adalah merupakan ahli atau 'pelabur' dalam syarikat ACM. Mereka telah terlibat dengan 'perniagaan' yang dijalankan oleh ACM. Mereka tidak menafikan telah memasukkan wang mereka kedalam akaun pengarah syarikat ACM dan juga kedalam akaun syarikat ACM sendiri. Tidak kiralah wang itu dari sumber manapun. *Yang penting mereka telah memasukkan wang kedalam akaun pengarah dan akaun syarikat ACM untuk pembelian EV. HMS yang membiacarakan kes ini telah mendapati terdapat pengambilan deposit oleh OKT dan syarikat ACM bertengan dengan dwengan seksyen 25(1) BAFIA dan kesalahan dibawah seksyen 4(1) Akta 613.* Jelas wang tersebut termasuk dalam kategori wang yang diterima, digunakan atau dimiliki hasil dari aktiviti haram ...
>
> (18) Justeru, saya bersetuju dengan hujahan pendakwaan bahawa kesemua pemohon satu hingga lapan adalah turut terlibat mengambil bahagian atau mempunyai penglibatan dalam kesalahan dibawah BAFIA dan AMLATFA 2001. Saya dapati pemohon-pemohon tidak memenuhi s 61(4) Akta 613 ...

[16] Melalui keterangan-keterangan perayu kedua, perayu ketiga, perayu keempat, perayu keenam, perayu ketujuh dan kelapan, *mahkamah ini mendapati dengan membeli dan bersetuju untuk menjual semula set seramik*

kepada syarikat tersebut dengan pulangan keuntungan jelas menunjukkan bahawa mereka-mereka ini turut terlibat untuk mengambil bahagian dalam perniagaan ini. Kesemua perayu-perayu ini tidak menafikan bahawa mereka tidak membeli dan menjual semula seramik tersebut. Apa yang lebih menarik adalah *perayu-perayu ini turut menjadi dealer dan mempunyai downline di bawah mereka.* Dalam keterangan perayu keenam (En Aziz bin Parjo), beliau menyatakan bahawa pada peringkat awalnya beliau merupakan seorang ahli biasa sahaja dan selepas itu menjadi dealer hingga mempunyai rangkaian seramai lebih kurang 10,000 orang hinggalah menjadi seorang usahawan. Beliau memegang jawatan sebagai Managing Director E-Mart kepada syarikat tersebut. Dalam keadaan sedemikian, mahkamah ini mendapati bahawa perayu kelapan mempunyai penglibatan kepada perniagaan ini menyebabkan beliau tidak layak. Dalam meneliti isu ini, mahkamah ini mendapati hujahan pihak peguam bahawa *perayu-perayu pertama hingga kelapan tidak terlibat dalam mengambil bahagian atau mempunyai penglibatan dalam satu kesalahan dibawah BAFIA dan AMLATFA 2001 tiada mempunyai justifikasi dan merit.*

[17] Pihak peguam seterusnya menghujahkan bahawa hakim sesyen ketika membuat keputusannya langsung tidak mengambil kira bahawa terdapatnya keterangan-keterangan bagi menunjukkan bahawa dua saksi pihak perayu telah membuat semakan dengan pihak Bank Negara Malaysia. Hakim sesyen dalam penghakimannya di ms 16–17 rekod rayuan menyatakan begini:

> (19) Saya mendapati pemohon-pemohon tidak melakukan usaha yang semunasabahnya dan patut sebelum terlibat memasukkan wang atau pun melabur dalam perniagaan yang meragukan ini. Dengan pulangan yang lumayan dan jumlah pelaburan yang besar pemohon sewajarnya lebih berhati-hati dengan syarikat tersebut. Pemohon-pemohon mengakui tidak menyemak dengan Bank Negara mengenai kesahihan pelaburan yang dijalankan oleh syarikat ACM, lebih-lebih lagi ini melibatkan penerimaan wang oleh sebuah syarikat untuk tujuan pelaburan. Pemohon tidak boleh menggunakan alasan tiada keperluan untuk menyemak dengan pihak Bank Negara. Saya bersetuju dengan pihak pendakwaanpemohon-pemohon telah tidak melakukan segala yang semunasabahnya dapat dijangkakan untuk menghalang penggunaan menyalahi undang-undang harta tersebut, saya dapati pemohon-pemohon telah gagal memenuhi kehendak Seksyen 61(4)(e) Akta 613.

Dalam menentukan isu ini, mahkamah ini perlu untuk meneliti semula peruntukan s 61(4)(e) AMLATFA 2001 seperti berikut:

> Pihak yang menuntut itu telah *melakukan segala yang semunasabahnya dapat dijangkakan* untuk menghalang penggunaan menyalahi undang-undang harta itu.

Mahkamah ini berpendapat bahawa adalah menjadi tanggungjawab pihak perayu-perayu untuk memeriksa perniagaan atau pelaburan tersebut sama ada sah ataupun sebaliknya. Selaras dengan tujuan asal AMLATFA yang mana

Akta ini diujudkan sebagai langkah-langkah diambil bagi mencegah pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan, mahkamah ini mendapati perayu-perayu mestilah mengambil langkah-langkah yang semunasabahnya bagi menghalang penggunaan yang menyalahi undang-undang mengenai harta tersebut. Mahkamah ini mendapati bahawa tindakan yang sangat munasabah adalah melalui pemeriksaan dengan pihak Bank Negara Malaysia. Pihak peguam menghujahkan:

Muka surat 807 Jld 5 Keterangan Penuntut 7

S: Katakan sebelum kamu menyertai skim ini kamu tidak ada membuat semakan dengan Bank Negara

J: *Ada semak dengan Bank Negara Malaysia melalui website Bank Negara Malaysia* tetapi tiada sebarang amaran atau apa-apa tentang Asia Ceramic Marketing

Muka surat 818 Jilid 5 Keterangan Penuntut 9

S: Kenapa Asia Ceramic Marketing tidak memohon kepada Bank Negara Malaysia satu lessen??

J: *Kita pernah semak dan baca semua Akta Bank Negara Malaysia yang berkaitan* dan kita tidak jumpa kita punya kategori perniagaan dalam sekstor perbankan finance atau discount house

Dalam mengemukakan keterangan saksi-saksi diatas, mahkamah ini mendapati bahawa kedua-dua penuntut diatas hanya memeriksa dan menyemak melalui *website* dan Akta sahaja. Tiada satu pun keterangan yang menunjukkan penuntut membuat semakan secara teratur iaitu dengan berjumpa sendiri dengan pegawai-pegawai di Bank Negara Malaysia dan dapatkan apa-apa jua suratan pengesahan. Mahkamah ini mendapati bahawa dengan aliran kemasukan wang yang begitu banyak dan tinggi daripada pihak perayu-perayu, mereka sepatutnya lebih peka dan berhati-hati untuk mendapatkan pengesahan secara benar daripada pihak Bank Negara Malaysia. *Apalah ertinya pelabuaran wang yang begitu banyak dan tinggi (sekiranya ada) hanya dengan membuat semakan melalui Akta dan website sahaja*. Tidakkah mereka lebih terfikir untuk mendapatkan pengesahan secara bertulis ataupun menemui sendiri pegawai-pegawai dari Bank Negara Malaysia. Suatu tindakan yang sangat pro-aktif perlulah diambil oleh mereka daripada mengambil sikap sambil lewa. Apa yang lebih menarik adalah, selain daripada perayu ketujuh dan kesembilan, *lain-lain perayu telah gagal untuk membuat semakan dengan pihak Bank Negara Malaysia akan status perniagaan syarikat tersebut, malahan menyatakan bahawa tiada keperluan untuk membuat semakan dengan pihak Bank Negara Malaysia.* Justeru itu, *mahkamah ini mendapati dan bersetuju dengan hakim sesyen bahawa pihak perayu-perayu tidak melakukan usaha yang semunasabahnya dan patut sebelum memasukkan wang ataupun melabur dalam perniagaan yang meragukan ini.* Sekiranya begitu, objektif AMLATFA bagi

mencegah kesalahan penggubahan wang haram telah gagal mencapai matlamatnya. Melalui keterangan-keterangan perayu-perayu, *mahkamah ini mendapati bahawa mereka semua lebih berminat dengan keuntungan dan faedah-faedah yang ditawarkan oleh syarikat tersebut tanpa memikirkan sama ada perniagaan atau pelaburan tersebut adalah menuruti segala peruntukan undang-undang sebaliknya.*

[18] Dalam hujahan selanjutnya, peguam menghujahkan bahawa keputusan hakim sesyen adalah berat sebelah apabila tidak membenarkan tuntutan perayu kelapan (Kelvin Hoo Moon Yee) dan merumuskan bahawa perayu kelapan bukanlah seorang penuntut yang suci hati. Peguam menyatakan bahawa perayu kelapan hanyalah merupakan seorang pembekal *t-shirt* kepada ACM dan menuntut bayaran pembekalan *t-shirt*. Dalam memutuskan situasi begini, mahkamah ini mendapati bahawa perayu kelapan ingin menuntut wang dari akaun ACM yang telahpun diputuskan sebagai wang haram semasa perbicaraan kes terdahulu. Mahkamah ini juga mendapati bahawa perayu kelapan mempunyai pengetahuan bahawa syarikat tersebut merupakan syarikat yang menjalankan perniagaan MLM. Dalam hal ini, tiada keterangan yang menunjukkan bahawa perayu kelapan telah mengambil apa-apa langkah yang sewajarnya untuk menyemak sama ada syarikat tersebut adalah sah disisi undang-undang ataupun sebaliknya. Apalah ertinya perayu kelapan menuntut pembayaran bagi pembekalan *t-shirt* daripada wang yang telah diputuskan sebagai wang haram oleh hakim sesyen? Wang haram yang semestinya tertakluk kepada perlucuthakan tidak mungkin diserahkan kepada perayu kelapan bagi maksud pembekalan *t-shirt* tersebut. Diatas alasan-alasan ini, mahkamah ini bersetuju bahawa perayu kelapan telah tidak memenuhi kehendak menurut s 61(4)(e) dengan tidak mengambil segala yang semunasabahnya dapat dijangkakan untuk menghalang penggunaan menyalahi undang-undang harta tersebut.

[19] Isu akhir yang dihujahkan oleh pihak peguam adalah mengenai rayuan penuntut kesembilan, kesepuluh dan kesebelas yang merupakan peguambela-peguambela yang mewakili tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga sewaktu perbicaraan kes jenayah dibawah BAFIA dan AMLATFA 2001 yang menuntut yuran guaman mereka. Pihak peguam telah merujuk kepada s 44(3)(c) AMLATFA yang memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk *'... the payment of the cost of that person to defend criminal proceedings against him'.* Peguam menghujahkan seterusnya bahawa tindakan timbalan pendakwa raya menolak pembayaran yuran kepeguaman melalui surat ('P14') adalah jelas bercanggah dengan s 44(3)(b) AMLATFA kerana tiada sebarang larangan untuk yuran dibayar yang wujud didalam Akta AMLATFA. Dalam perkara ini, hakim sesyen dalam penghakimannya di ms 22–23 rekod rayuan telah menyentoh isu ini dengan panjang lebar seperti berikut:

A ... (30) Saya berpendapat tuntutan ini tidak selaras dengan objektif AMLATFA yang menyatakan 'An Act to provide for the offence of money laundering, the measures to be taken for the prevention of money laundering and to provide for forfeiture of property derived from, or involved in, or money laundering, and for matters incidental thereto or connected therewith'. Seksyen 17A Interpretation Acts
B 1948 and 1967 menyatakan dalam pentafsiran sesuatu Akta pendekatan 'purpose or object' perlu diutamakan. Mengambil kira perkara ini saya tidak fikir wang yang disita dan dibekukan dan telah diputuskan sebagai hasil daripada aktiviti haram patut dan wajar dikeluarkan untuk dibayar kos kepeguaman yang belum dijelaskan dan terhutang oleh OKT kepada pemohon-pemohon sebagai peguam.

C (31) Sekiranya wang yang disita itu dilepaskan untuk membayar kos kepeguaman OKT yang diwakilinya, *ini bermakna pemohon-pemohon akan memperolehi hak mengenai harta itu daripada seorang yang yang tindakan diambil terhadapnya dibawah hal keadaan yang menimbulkan kesimpulan yang munasabah bahawa apa-apa hak telah dipindahkan hakmilik bagi maksud mengelakkan pelucuthakan*
D *harta itu pada akhirnya kemudian. Ini jelas bertentangan dengan perenggan 61(4)(d) ...*

(32) Saya berpuas hati pemohon kesepuluh dan kesebelas tiada mempunyai suatu kepentingan sah disisi undang-undang mengenai harta itu. *Tuntutan yuran kepeguaman terhadap OKT-OKT wajar dibuat secara terus terhadap mereka secara*
E *berasingan dan bukannya dari wang yang telah diputuskan oleh mahkamah sebagai hasil dari aktiviti haram kerana kesalahan dibawah BAFIA dan AMLATFA*. Wang yang disita ini wajar dilucuthakan mengikut Seksyen 55 dan 61(4) Akta 613 ...

F Dalam menimbangkan isu ini, mahkamah ini mendapati tindakan pihak peguam seolah-olah meletakkan mahkamah ini sebagai 'orang tengah' atau suatu tribunal bagi memperolehi yuran guaman mereka. Sungguhpun secara literalnya, mahkamah ini mendapati bahawa bayaran boleh dibuat terhadap kos guaman, tetapi persoalannya adalah adakah perlu dibayar kos guaman peguam melalui wang yang telahpun diputuskan oleh mahkamah sebagai hasil
G daripada aktiviti haram. *Pada hemat mahkamah ini, sekiranya wang tersebut telahpun diklasifikasikan sebagai wang haram hasil daripada aktiviti haram, maka wang tersebut tidak boleh dikeluarkan bagi apa-apa maksud sekalipun melainkan ianya dilucuthakan oleh pihak kerajaan. Tindakan untuk mengeluarkan wang tersebut bagi membuat pembayaran kos guaman peguam,*
H *pada hemat mahkamah ini seolah-olah melepaskan tindakan terhadap orang yang mana tindakan pelucuthakan harta telahpun dibuat terhadapnya*. Justeru itu, ianya seolah-olah tiada tindakan pelucuthakan harta dibuat terhadap orang tersebut. Sekiranya begitu, mahkamah ini bersetuju dengan hakim sesyen bahawa tindakan tersebut tidak selaras dengan objektif AMLATFA dan
I mengecualikan orang tersebut daripada suatu tindakan undang-undang yang sepatutnya dikenakan terhadapnya diatas kesalahan yang dilakukan. Justeru itu, *mahkamah ini berpendapat bahawa dengan memberikan perintah untuk mengeluarkan wang bagi dibuat pembayaran kos kepeguaman yang belum dijelaskan dan terhutang oleh Tertuduh-tertuduh kepada pihak penuntut*

kesepuluh dan kesebelas sebagai peguam mereka adalah jelas bertentangan dengan peruntukan s 61(4)(d) AMLATFA. Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati bahawa pihak-pihak perayu kesembilan (Tetuan Isharidah Ho Chong & Menon), kesepuluh (Tetuan Stanley Augustine & Co) dan kesebelas (Tetuan Haresh Mahadevan & Co) tidak mempunyai kepentingan yang sah disisi undang-undang menurut s 61(4)(a) AMLATFA. Sekiranya mereka berhajat untuk memperolehi semula kos guaman mereka, tuntutan kos guaman tersebut perlulah dibuat dalam prosiding yang berasingan terhadap mereka per se dan bukannya daripada wang hasil aktiviti haram yang telah diputuskan oleh mahkamah.

[20] Adalah menjadi suatu undang-undang muktamad bahawa Mahkamah Rayuan tidak akan menganggu dengan suatu keputusan yang dibuat oleh mahkamah bawahan melainkan keputusan tersebut 'manifestly unsustainable at law'. Dalam kes Mahkamah Rayuan *Alandu a/l Santhanasamy v Public Prosecutor* [2014] 2 MLJ 508; (2013) MLRAU 371, YA Hamid Sultan bin Abu Backer HMR memperingatkan:

> ... It is well settled that in the hands of the trier of facts to assess the quality of evidence and to determine whether the evidence on record justices a conviction. *In so doing it the court orders an acquittal or conviction it cannot be set aside by the appellate court unless it records a finding that the view taken by the trial court was not a possible reasonable view of the evidence on record* (see *Pramod Mandal v State of Bihar (SC)* (2004) 4 LRI 24; *Public Prosecutor v Thenegaran a/l Murugan* [2013] 3 MLJ 328) ...

[21] Justeru itu, mahkamah ini mendapati bahawa hakim sesyen telah membuat pertimbangan yang sangat menyeluruh dan keputusan yang betul berdasarkan kepada peruntukan undang-undang. *Mahkamah ini bersetuju dan tidak akan mengganggu kedapatan oleh hakim mahkamah sesyen yang memerintahkan agar wang yang disitaan ini wajar dilucuthakan kepada pihak Kerajaan Malaysia menurut s 55 dan s 61(4) AMLATFA. Oleh yang demikian, mahkamah ini menolak rayuan pihak-pihak penuntut dan mengekalkan perintah pelucuthakan harta oleh hakim mahkamah sesyen.*

Mahkamah ini merasakan adalah adil, wajar dan saksama setelah mempertimbangkan segala sudut prinsip undang-undang yang berkaitan dan alasan-alasan yang telah dinyatakan diatas. Mahkamah ini merakamkan ucapan terima kasih kepada DPP dan pihak-pihak terlibat di atas kerjasama yang diberikan dalam melupuskan kes ini.

A *Rayuan perayu-perayu ditolak; perintah pelucuthakan harta oleh HMS dikekalkan.*

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

B

C

D

E

F

G

H

I